

PM diminta campur tangan pinda Ordinan Buruh Sarawak

KUCHING 21 Okt. — MTUC akan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad campur tangan bagi membolehkan Ordinan Buruh Sarawak 1959 dipinda segera demi kepentingan pekerja di negeri itu.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir dalam tempoh terdekat bagi membincangkan perkara tersebut.

“Saya akan menghantar surat kepada Perdana Menteri pagi esok sebelum mengadakan pertemuan

dengan beliau berhubung perkara itu.

“Kita akan minta Dr. Mahathir campur tangan kerana ia sudah memakan masa begitu lama,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung MTUC cawangan Sarawak di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika mengulas cadangan pindaan ordinan berkenaan yang tertangguh selama lima tahun.

Zainal memberitahu, ordinan baru ini untuk kepentingan semua pekerja di Sarawak agar mereka

berpeluang menikmati pelbagai faedah sama seperti pekerja di Semenanjung.

“Apa yang kita mahu, undang-undang (untuk pekerja) dapat diselaras-kan, tak ada *double-standard*”, sekarang ini tidak, pekerja di Semenanjung lain, di Sarawak lain,” jelasnya.

Beliau berkata, sehingga kini terdapat kira-kira 100,000 pekerja dalam semua sektor di Sarawak.

Menurutnya, nasib pekerja sama ada di Semenanjung dan Sarawak perlu dilindungi terutama

mereka yang diberhentikan kerja.

Zainal berkata, sudah tiba masanya pindaan ordinan baru itu dipercepatkan bagi mewujudkan integrasi ordinan buruh di negara ini.